Headline	TNB sumbang RM150 juta		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	29 Mar 2020	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	Ekonomi	Page No	31
ArticleSize	335 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,750		

TNB sumbang RM150 juta

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menghulurkan sumbangan RM150 juta bagi menyokong pengumuman kerajaan memberi rebat elektrik berperingkat untuk membantu rakyat Malaysia yang terjejas berikutan lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata rebat elektrik berperingkat itu akan disubsidi secara bersama oleh kerajaan, TNB serta dana daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE).

"TNB menyokong penuh usaha kerajaan untuk meringankan beban isi rumah yang terjejas dan komited untuk menyalurkan dana dengan inisiatif yang memberi manfaat langsung kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata TNB telah menyumbang RM10 juta kepada Kementerian Kesihatan untuk membantu menambah bekalan perubatan yang semakin berkurangan, terutamanya di institusi perubatan dan kesihatan negara yang menjadi barisan hadapan negara dalam menangani Covid-19.

Pada Jumaat, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan rebat berperingkat untuk bil elektrik antara 15 peratus dan 50 peratus bagi pengguna domestik di Semenanjung Malaysia, dengan hampir 90 peratus pengguna kediaman di Semenanjung Malaysia secara automatik akan menerima rebat itu yang bermula 1 April hingga 30 September.

Katanya, di bawah rebat berperingkat itu, tiga juta pengguna domestik dengan penggunaan bulanan di bawah 200 kilowatt sejam (kWh) akan menerima rebat 50 peratus, manakala 1.5 juta pengguna dengan penggunaan bulanan antara 201 kWh dan 300kWh akan menerima rebat 25 peratus dan 2.2 juta pengguna dengan penggunaan bulanan antara 301kWh dan 600kWh akan menerima rebat 15 peratus.

Mereka dalam kumpulan B40 akan mendapat manfaat daripada kadar rebat tertinggi sebanyak 50 peratus yang akan tertera dalam bil elektrik mulai Mei. - Bernama

TENAGA Nasional Berhad (TNB) menghulurkan sumbangan RM150 juta bagi menyokong pengumuman kerajaan memberi rebat elektrik.

Powered by: isentia

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
AVA-Animal Welfare & Stray Management (AVA-Animal Health)	2	0	RM 0
B40 Related (B40 Related)	1	0	RM 0
Covid- 19 - Malaysia (Covid- 19 - Malaysia)	3	0	RM 0
Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) (MTDC	3	0	RM 0
Ministry of Health (Ministry of Health)	1	0	RM 0
Ministry of Health (MOH) -SG (Ministry of Health - Special - SG)	1	0	RM 0
Ministry of Health (MOH) -SG (Ministry of Health (MOH) - SG)	1	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama)	1	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pertubuhan Berita Nasional	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	2	0	RM 0
PUB - Johor River Water Works (PUB JRWW) (Immigration &	1	0	RM 0
Ramsay Sime Darby Health Care Group (Ministry of Health - Malaysia	4	0	RM 0
Star Reacher - Coronavirus (Star Reacher - Coronavirus)	1	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	9	0	RM 0